



Amiloidosis Jangkiti Organ

Amiloidosis ialah sekumpulan penyakit yang disebabkan oleh pemendapan protein yang tidak normal yang dikenali sebagai amiloid yang terbentuk dalam pelbagai tisu badan. Secara biasanya, pemendapan protein yang tidak normal berlaku dalam proteasomes yang dikawal oleh makrofaj. Amiloidosis berlaku apabila mekanisme badan gagal mengawal pemendapan protein, seterusnya membenarkan protein ini berkumpul di luar sel.

Amiloidosis primer berlaku pada lelaki dan wanita pada kadar yang sama dan bersifat kekeluargaan. Penyakit ini menyerang kumpulan sasaran yang berumur antara 20 tahun hingga 40 tahun dan mengancam jantung, buah pinggang, serta otot yang digunakan untuk menelan dan bernafas.

Selain itu, saraf perifer (otak), nod limfa, hati, limpa, sama ada secara berasingan atau bersama-sama, turut diserang. Bagi amiloidosis sekunder pula penyusupan berlaku di hati, limpa, buah pinggang, arteri, usus kecil dan kulit. Kesihatan penghidap dipengaruhi dengan lebih serius. Dalam hal ini, pesakit mengalami kulit bergilap atau berkilat, diareja dan poliuria.

Amiloidosis sistemik (AL) ialah gangguan yang jarang-jarang berlaku dan kejadiannya yang tepat sukar dianggarkan kerana perubahan dari segi kriteria diagnostik. Di Olmsted, Minnesota, hanya 21 kes disahkan antara tahun 1950 hingga tahun 1980.

Dalam kajian yang berasaskan populasi pertama ini, kejadian AL adalah lebih kurang 8.9 juta orang pada setiap

tahun. Di Amerika Syarikat, antara 2000 hingga 2500 kes AL didiagnosis pada setiap tahun. Di Britain pula, amiloidosis dilaporkan sebagai punca kematian bagi setiap seorang daripada 1000 penduduk.

Amiloidosis ialah penyakit yang jarang-jarang didengari dan berlaku di Malaysia. Oleh sebab itu, masyarakat kurang memberikan perhatian terhadap penyakit ini dan hanya menganggapnya sebagai penyakit biasa.

Ada empat jenis amiloidosis utama. Setiap jenis amiloidosis ini berlaku disebabkan oleh pemendapan protein tertentu. Jenis yang paling biasa ialah amiloidosis AL yang disebabkan oleh pemendapan protein rantai cahaya yang dihasilkan oleh sel plasma pada bahagian penyakit yang berbeza-beza.

Yang kedua, amiloidosis AA yang disebabkan oleh pengumpulan S amiloid A protein atau SAA yang berlaku dalam bentuk gumpalan dengan jangkitan yang kronik. Sebagai contohnya, batuk kering dan penyakit radang, seperti artritis reumatoid, apabila taburannya bercorak periretikular. Penyakit ini juga mungkin merumitkan lagi mielomatisis (sel malignan dalam mieloma mungkin dihasilkan daripada limfosit B dan memasuki sumsum tulang semula).

Yang ketiga, amiloidosis keturunan yang disebabkan oleh transtiretin

